Punca Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> Percikan arka telah berlaku disebabkan galah yang panjangnya melebihi ketinggian talian atas bervoltan tinggi berada terlalu hampir dengan pengalir atas fasa merah talian 132 kV menyebabkan arus yang amat tinggi mengalir melalui galah yang dipegang Dipercayai bahawa tiada sentuhan telah berlaku antara galah dengan pengalir kerana jika berlaku sentuhan, kemungkinan besar galah yang diperbuat daripada alumunium itu akan rosak teruk dan mungkin akan putus kepada dua (2) bahagian atau lebih. Keadaan galah dalam keadaan hampir sempurna dengan hanya terdapat lubang-lubang serta bintik-bintik halus di sepanjang 1.0 meter (3 kaki 3 inci) daripada sabit. Mangsa telah melanggar syarat Permit Lawatan Kerja Sementara (PLKS) di Koperasi Serbaguna FELDA Bukit Goh Berhad dengan mengambil upah mengait buah kelapa sawit atas kehendak sendiri tanpa pengetahuan majikan dan kejadian berlaku akibat kecuai mangsa sendiri.
Cadangan Mengelakkan Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan supaya TNB menjalankan program taklimat / sebaran am berkaitan bahaya menjalankan aktiviti di dalam kawasan rentis voltan tinggi TNB kepada penduduk dan pekerja di kawasan terdapat sistem talian atas bervoltan tinggi.



 Gambar 12.1: Keadaan pengalir fasa merah voltan tinggi 132 kV TNB yang rosak akibat percikan arka dengan hujung galah.




 Gambar 12.2: Kesan percikan arka pada hujung mata sabit pengait buah kelapa sawit.

Ringkasan Beberapa Kes Kemalangan Elektrik 2021

2 KEMALANGAN ELEKTRIK MAUT DI PREMIS KEDIAMAN	
Tarikh dan Masa	5 Januari 2021, Jam 6.30 petang
Lokasi	Rumah, Kampung Paya Kecil, 28000 Temerloh.
Bilangan Mangsa	Satu (1)
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Orang Awam
Jenis Pemasangan Elektrik	1 fasa, 230 V, 50 Hz
Ringkasan Kes	<ul style="list-style-type: none"> Dua (2) orang mangsa orang awam telah terkena renjatan elektrik ketika kedua-dua mangsa cuba mengalihkan kerusi yang diletakkan berhampiran tiang bumbung zink. Mangsa telah terpegang atau tersentuh dengan tiang besi bumbung tambahan dan maut akibat terkena renjatan elektrik. Ibu mangsa yang cuba membantu mangsa turut terkena renjatan elektrik dan telah dimasukkan ke hospital untuk rawatan lanjut.
Punca Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> Berpunca daripada kebocoran arus yang disebabkan oleh sentuhan tepi atap zink yang nipis / tajam pada penebat wayar servis saiz 16 mm persegi fasa kuning menyebabkan penebat wayar koyak dan berlaku persentuhan logam pengalir dengan atap zink. Persentuhan tersebut menyebabkan keseluruhan bumbung (atap zink) rumah termasuk bumbung tambahan, kerangka bumbung tambahan dan tiang bumbung tambahan menjadi bertenaga (mengalirkan arus). Mangsa telah meninggal dunia akibat terkena renjatan elektrik semasa memegang tiang besi bumbung tambahan di kawasan yang berair sedalam 0.3 meter.
Cadangan Mengelakkan Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> TNB menjalankan program taklimat dan latihan kepada pembaca meter dan kakitangan "non-technical" berkaitan elektrik dan bahaya elektrik terutama yang melibatkan pemasangan TNB dan juga maklumat tentang kejanggaran/ kerosakan melibatkan pemasangan TNB dapat disalurkan dengan lebih cepat.



 Gambar 12.3: *Service Line* luka yang bersentuhan dengan atap zink.



 Gambar 12.4: *Service line* pihak utiliti jatuh ke tanah selepas terkena api kebakaran.

Ringkasan Beberapa Kes Kemalangan Elektrik 2021

3 KEMALANGAN ELEKTRIK TIDAK MAUT DI PENCAWANG ELEKTRIK (PE)	
Tarikh dan Masa	13 Mac 2021, Jam 10.44 malam
Lokasi	SSU UiTM Raub Pahang
Bilangan Mangsa	Satu (1)
Jantina	Lelaki
Pekerjaan	Pekerja Utiliti
Jenis Pemasangan Elektrik	Stesen Suis Utama (SSU)
Ringkasan Kes	<ul style="list-style-type: none"> Mangsa yang merupakan seorang pekerja TNB telah terkena <i>flashover</i> ketika sedang memasang <i>potential transformer</i> (PT) <i>fuse</i> pada kotak PT <i>fuse</i> di SSU UiTM Raub. Kerja-kerja yang dilakukan pada hari tersebut adalah membaiki kabel yang rosak antara PMU Raub (CB16) dan SSU UiTM Raub (CB4). Kemalangan berlaku ketika hendak melakukan kerja-kerja <i>normalise</i> setelah selesai kerja-kerja membaiki kabel yang rosak dilakukan.
Punca Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> Hasil siasatan mendapati mangsa sedang memasang PT <i>fuse</i> fasa biru pada kotak PT <i>fuse</i> di belakang <i>panel compartment</i> CB4 apabila litar / kabel masih dalam keadaan bertenaga. Mangsa telah mengalami kecederaan pada bahagian jari kanan dan tapak tangan kiri. Mangsa telah dibawa ke Hospital Raub untuk mendapatkan rawatan yang selanjutnya. Daripada siasatan awal yang telah dijalankan, didapati bahawa orang kompeten yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan kerja-kerja <i>normalise</i> tidak mengikut prosedur yang betul di mana sepatutnya litar harus dalam keadaan mati (CB16 <i>open</i>) sebelum PT <i>fuse</i> dipasang. Siasatan juga mendapati percikan arka dipercayai berlaku disebabkan oleh mangsa yang sedang memasang PT <i>fuse</i> fasa biru pada kotak PT <i>fuse</i> di belakang <i>panel compartment</i> CB4 dalam keadaan bertenaga.
Cadangan Mengelakkan Kemalangan	<ul style="list-style-type: none"> Pihak TNB bersama UiTM menjalankan program taklimat dan latihan kepada kakitangan berkaitan elektrik dan bahaya elektrik terutama yang melibatkan pemasangan TNB dan juga maklumat tentang kejanggalan/ kerosakan melibatkan pemasangan TNB dapat disalurkan dengan lebih cepat.



 Gambar 12.5: Pandangan hadapan panel SSU UiTM Raub.



 Gambar 12.6: Kecelakaan pada tangan kiri mangsa.

13 INISIATIF MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN ELEKTRIK



Mesyuarat Jawatankuasa Mitigasi Kes Kemalangan Elektrik Bersama Pihak Utiliti (TNB dan SESB)

Hasil daripada analisa kes-kes kemalangan elektrik yang dijalankan, didapati sebanyak 55% kes kemalangan elektrik adalah melibatkan pemasangan milik pihak utiliti. Bagi mengurangkan kadar kemalangan dan meningkatkan keselamatan dalam industri pembekalan elektrik serta pengguna elektrik, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik bersama Pihak Utiliti (TNB dan SESB) sejak 2018 untuk memantau dan membincangkan isu-isu kritikal kemalangan yang melibatkan pemasangan utiliti. Walau bagaimanapun, bagi 2021, mesyuarat ini terpaksa dilakukan secara *online* yang diakibatkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Menerusi mesyuarat berkala yang diadakan ini, ST ingin memastikan pemasangan elektrik sentiasa dalam keadaan selamat dan tidak membahayakan pekerja utiliti, kontraktor serta orang awam. Sepanjang 2020, sebanyak tiga (3) mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

Jadual 13.1: Mesyuarat Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik bersama Pihak Utiliti

Bil. Mesyuarat	Tarikh
Bil. 01/2021	3 Jun 2021
Bil. 02/2021	26 Julai 2021
Bil. 03/2021	28 Julai 2021



Gambar 13.1: Mesyuarat Bil. 01/2021: Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik Bersama Pihak Utiliti yang Dijalankan Secara Online.



Gambar 13.2: Mesyuarat Bil. 02/2021: Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik Bersama Pihak Utiliti yang Dijalankan Secara Online.



Gambar 13.3: Mesyuarat Bil. 02/2021: Jawatankuasa Kes Kemalangan Elektrik Bersama Pihak Utiliti yang Dijalankan Secara Online.

Pendaftaran Garis Panduan Pendawaian Elektrik Pemasangan Domestik (GPPEPD)

Pendaftaran Garis Panduan Pendawaian Elektrik Pemasangan Domestik (GPPEPD) membolehkannya dikuatkuasakan oleh ST sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 50C Akta Bekalan Elektrik 1990 dan mana-mana orang yang gagal mematuhi adalah bersalah di sisi undang-undang dan apabila disabitkan, boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 50E, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).

GPPEPD adalah amat penting kerana ianya akan menjadi sumber rujukan yang jelas, ringkas dan padat kepada semua orang kompeten, kontraktor elektrik dan jurutera perunding yang terlibat dalam kerja-kerja pendawaian untuk memastikan sistem pendawaian elektrik di bangunan kediaman dibuat dengan sempurna dan selamat dan seterusnya dapat mengurangkan risiko berlakunya kemalangan.

Arahan ini akan terpakai dan berkuatkuasa bermula 1 Jun 2022.



Adalah diingatkan bahawa, seseorang yang didapati gagal mematuhi arahan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM200,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 50E, Akta 447.

Kad Pengenalan Orang Kompeten (CPIC)

Bermula November 2018, setiap orang kompeten yang berdaftar dengan ST boleh mencetak sendiri Kad Pengenalan Orang Kompeten (CPIC) melalui Sistem ECOS *Online*.

Tujuan CPIC diwujudkan adalah untuk menggalakkan pendaftaran Orang Kompeten Elektrik dengan ST dan memudahkan orang awam / pemilik / pengurusan pemasangan elektrik membuat semakan dan mengenalpasti orang kompeten yang berdaftar dengan ST sebelum menjalankan kerja-kerja elektrik.

CPIC yang telah dicetak hendaklah sentiasa dibawa oleh orang kompeten dalam melaksanakan kerja-kerja elektrik.

Pada 2021, ST telah menambahbaik CPIC ini dan di antara ciri yang ditambahbaik adalah tambahan maklumat orang kompeten untuk dipaparkan pada CPIC, data *QR Code* dan ECOS serta reka bentuk CPIC yang baharu.

Mulai 15 Oktober 2021, setiap orang kompeten yang berdaftar dengan ST boleh mencetak sendiri Kad Pengenalan Orang Kompeten (CPIC) yang telah ditambahbaik melalui Sistem ECOS *Online*.



Mesyuarat Mitigasi Kes Kemalangan Elektrik Melibatkan Pemasangan Elektrik Di Stesen / Landasan Keretapi Bersama Perbadanan Aset Keretapi (PAK), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan diadakan bertujuan untuk membincangkan kes-kes kemalangan elektrik yang melibatkan aktiviti kerja berhampiran talian dan pemasangan elektrik ini termasuklah pencerobohan orang awam dan aktiviti penyenggaraan di stesen / landasan keretapi yang terletak berdekatan dengan talian elektrik. Risiko kemalangan elektrik boleh berlaku sekiranya langkah-langkah awasan sewajarnya tidak diambil dalam keadaan seumpama ini.

Temubual Bersama BERNAMA Radio

Temubual ini telah berlangsung secara langsung selama 30 minit bagi setiap sesi melalui aplikasi *Skype*. Terdapat enam (6) topik yang dibincangkan di dalam setiap sesi iaitu:

- Keselamatan gas berpaip di premis dobi dan rumah / dapur gas domestik.
- Keselamatan elektrik.
- Kelengkapan elektrik yang selamat.
- Pembelian barangan elektrik yang selamat secara dalam talian.
- Kepentingan mengambil khidmat orang kompeten elektrik.
- Kecekapan tenaga.

TEMU BUAL RADIO

Google Play | App Store | Spotify

**KEPENTINGAN KHIDMAT ORANG KOMPETEN
DALAM KERJA - KERJA ELEKTRIK**

MOHD ERWAN BIN MOHD LIZAN
Penolong Pengarah


AZARUDIN YUSOF BIN MANSOR
Penolong Pengarah

UNIT KEKOMPETENAN ELEKTRIK,
SURUHANJAYA TENAGA

RABU | 8 SEPTEMBER 2021
PUKUL : 10.30 PAGI

BERNAMA RADIO
FREKUENSI SIARAN


LEMBANG KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

 Gambar 13.4: Sesi temubual berkenaan "Kepentingan Mengambil Khidmat Orang Kompeten Dalam Kerja-Kerja Elektrik".

Jemputan Mesyuarat Bersama CIDB dan NIOSH Bagi Membincangkan Isu *Personnel* Binaan dan Pemegang Kad NSTP yang Menjalankan Kerja Elektrik

Salah satu (1) inisiatif ST bagi menjamin keselamatan pengguna di pemasangan elektrik adalah mengadakan sesi *engagement* bersama industri bagi membincangkan pelan tindakan pengurangan kadar kemalangan elektrik melibatkan pemasangan elektrik di premis masing-masing. Penerapan pendidikan dan kefahaman mengenai keselamatan elektrik dan gas di sekolah dilihat sebagai satu (1) keperluan memandangkan penggunaan sumber elektrik dan gas dengan tatacara yang betul dapat mengurangkan kemalangan elektrik dan gas di kalangan pelajar sekolah.

Sesi *engagement* ini dijadikan sebagai landasan perbincangan secara langsung bersama pemilik / pengurus bangunan mengenai penyediaan pelan tindakan pengurusan keselamatan elektrik bagi memastikan tahap keselamatan di pasangannya adalah memuaskan.



Gambar 13.5: Mesyuarat Bersama CIDB dan NIOSH bagi membincangkan isu *personnel* binaan dan pemegang kad NSTP yang menjalankan kerja elektrik pada 10 Mac 2021.

Pembatalan Perakuan Kelulusan (CoA) yang Gagal Ujian Konsainmen SIRIM


Sejak September 2016, ST telah membatalkan CoA yang didapati gagal Ujian Konsainmen SIRIM. Sehingga Disember 2021, sejumlah 22 *batch* pembatalan CoA telah mendapat persetujuan ST yang melibatkan 1,235 CoA dan 413 syarikat pengimport seperti jadual dibawah:

Jadual 13.2: Pembatalan Perakuan Kelulusan (CoA) Mengikut Batch

BATCH	BIL. CoA DIBATALKAN	BULAN	JUMLAH PENGIMPORT
1	34	Sep 2016	16
2	158	Dis 2016	44
3	132	Feb 2017	22
4	126	Mac 2017	26
5	138	Apr 2017	27
6	56	Mei 2017	16
7	48	Jul 2017	19
8	51	Sep 2017	17
9	34	Nov 2017	19
10	39	Dis 2017	11
11	10	Jan 2018	3
12	15	Feb 2018	6
13	10	Mac 2018	6
14	27	Apr 2018	16
15	44	Jun 2018	18
16	9	Jul 2018	5
17	17	Nov 2018	9
18	22	Jan 2020	15
19	8	Jan 2020	6
20	129	Ogos 2020	54
21	13	Ogos 2020	8
22	115	Jul 2021	50
JUMLAH	1,235		413


Tiada pembatalan CoA telah dibuat pada 2019 memandangkan ST sedang dalam proses menambah baik prosedur pembatalan perakuan tersebut. Namun begitu, ST telah menghantar notis tunjuk sebab kepada 22 syarikat pengimport yang melibatkan sebanyak 29 CoA bagi kes gagal ujian konsainmen SIRIM untuk 2019.

Rajah 13.1: Jumlah Perakuan Kelulusan (CoA) yang Dibatalkan, 2017-2021



Untuk 2019, kes gagal ujian konsainmen SIRIM melibatkan 29 CoA dan telah diberikan surat tunjuk sebab.

Rajah 13.2: Jumlah Pengimport Terlibat, 2017-2021



Untuk 2019, kes gagal ujian konsainmen SIRIM adalah melibatkan 22 pengimport dan telah diberikan surat tunjuk sebab.

Berikut adalah di antara sebab-sebab kegagalan ujian konsainmen SIRIM:

01

Kandungan Laporan Ujian (TR) diubah mengikut kepentingan pemohon berkaitan dengan produk yang dipohon.

02

Ada kes sampel yang diperiksa dan diuji oleh konsainmen SIRIM amat berlainan daripada produk rujukan dalam TR.

03

Produk daripada *batch* berlainan untuk CoA yang sama, mempunyai rupa dan rekabentuk yang berlainan meskipun tetap mempunyai jenama dan model yang sama seperti yang dipohon sebelumnya.

04

Penandaan pada plet nama atau label produk tidak memenuhi keperluan syarat penandaan dan amaran. Ini kerana label baharu dibuat untuk mengubah nama jenama dan model sedangkan pemohon tidak memberi perhatian atau tidak berpengetahuan dalam keperluan syarat tersebut.

05

Manual pengguna tidak memenuhi syarat penandaan dan amaran kerana manual pengguna dibuat baharu atau dibuat sendiri untuk mengubah nama jenama dan model.

06

Kapasiti dan kadaran pada plet nama berlainan daripada yang telah diluluskan pada plet nama asal dalam TR.

07

Komponen kritikal berlainan daripada yang tersenarai dalam TR.

Selepas notis pembatalan CoA diserahkan kepada syarikat pengimport, di antara maklum balas yang diterima ST ialah pengimport telah mengambil tindakan menghantar pulang ke negara asal, dan ada yang melupuskan kelengkapan yang gagal konsainmen tersebut. Seperti tahun sebelum ini, aktiviti-aktiviti melupus / memusnah kelengkapan tersebut telah disaksikan oleh ST bagi mengesahkan kelengkapan tersebut tidak dijual terus ke pasaran.

Aktiviti-aktiviti pemantauan ke atas syarikat pengimport kelengkapan elektrik masih diteruskan bagi memastikan kelengkapan yang didapati gagal Ujian Konsainmen SIRIM telah diambil tindakan yang sewajarnya oleh pengimport. Diantara pilihan tindakan yang perlu diambil oleh pengimport adalah seperti:



14 AKTIVITI MENINGKATKAN KESEDARAN, USAHASAMA DAN AMALAN BAIK



Product Safety Award (PSA) Sambutan Ulang Tahun Suruhanjaya Tenaga (ST) Ke-20



Pelaksanaan *Product Safety Award* 2021 (PSA2021) adalah sebagai salah satu (1) program di bawah sambutan ulang tahun Suruhanjaya Tenaga (ST) ke-20 yang julung-julung kalinya diadakan. Objektif program ini adalah untuk mempromosi dan mendorong pengilang, pengimport dan penjual kelengkapan elektrik serta institusi yang memberikan komitmen yang tinggi bagi membudayakan keselamatan elektrik di kalangan industri. Kategori-kategori yang di pertandingan adalah Pengilang, Pengimport, dan Anugerah Khas Institusi Bertauliah.

Hari Anugerah PSA 2021 telah berlangsung pada 9 November 2021 di Putrajaya dan disempurnakan oleh Menteri Tenaga Dan Sumber Asli.

Jadual 14.1: Senarai penerima anugerah *Platinum*, *Gold* dan *Silver* adalah seperti berikut:-


	Pengilang	Pengimport	Institusi Bertauliah
<i>Platinum</i>	Eco Breeze Technologies (M) Sdn. Bhd.	Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.	Institut Kemahiran Mara, Lumut
<i>Gold</i>	Thermo Integra Sdn. Bhd.	Daikin Malaysia Sales & Service Sdn. Bhd.	Institut Latihan Perindustrian, Jitra
<i>Silver</i>	Khind-Mistral Industries Sdn. Bhd.	Nexusled Green Technology Sdn. Bhd.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Pasir Mas



YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
Menteri Tenaga & Sumber Asli

 Gambar 14.1: Ucapan Perasmian YB Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan, Menteri Tenaga Dan Sumber Asli.



 Gambar 14.2: Ucapan Aluan Dato' Ir. Ts Abdul Razib Dawood, Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Tenaga.



 Gambar 14.3: Sesi Bergambar bersama YB Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan, Menteri Tenaga Dan Sumber Asli.



 Gambar 14.4: Penghargaan Kepada YB Datuk Seri Takiyuddin Bin Hassan, Menteri Tenaga Dan Sumber Asli.



 Gambar 14.5: Antara Penerima Anugerah *Product Safety Award* (PSA) 2021.



 Gambar 14.6: Antara Penerima Anugerah *Product Safety Award* (PSA) 2021.



 Gambar 14.7: AJK yang terlibat dalam Anugerah *Product Safety Award* (PSA) 2021.



 Gambar 14.8: AJK yang terlibat dalam Anugerah *Product Safety Award* (PSA) 2021.

Program Webinar Kesedaran Keselamatan Elektrik dan Gas Bersama Pelajar Sekolah

Penerapan pendidikan dan kefahaman mengenai keselamatan elektrik dan gas di sekolah dilihat sebagai satu (1) keperluan memandangkan penggunaan sumber elektrik dan gas dengan tatacara yang betul dapat mengurangkan kemalangan elektrik dan gas di kalangan pelajar sekolah. Selain itu, penyampaian maklumat berkaitan kesedaran keselamatan dalam bidang ini di kalangan pelajar sekolah di peringkat awal pembelajaran dapat memberikan impak yang positif untuk jangka masa panjang di samping memupuk kesedaran keselamatan di kalangan pelajar.

Sehubungan dengan itu, ST telah mengadakan seminar secara atas talian (*online*) yang melibatkan wakil daripada warga pendidik dan pelajar sekolah di zon utara dan tengah Semenanjung Malaysia. Menerusi program seminar yang disampaikan, diharap dapat memberi pendedahan kepada pelajar sekolah dalam memastikan keselamatan elektrik dan gas sentiasa diutamakan dalam apa jua keadaan dan seterusnya dapat mengurangkan risiko berlakunya kemalangan.



Gambar 14.9: Program Webinar Kesedaran Keselamatan Elektrik dan Gas bersama Pelajar Sekolah pada 17 November 2021.

Program Safety Moments with Utilities and Industry

ST telahpun mengadakan program bagi mempromosikan amalan keselamatan elektrik di kalangan pihak utiliti dan industri yang dikenali sebagai *Safety Moments with Utilities* dan *Safety Moments with Industry*. Inisiatif baharu ini diadakan bertujuan untuk menekankan kepentingan peranan pihak utiliti dalam memastikan dan meningkatkan keselamatan elektrik melalui sebaran media sosial ST agar kemalangan elektrik dapat dikurangkan. Menerusi program *Safety Moments* ini, pihak utiliti dan industri harus menunjukkan suasana semasa bekerja di tapak atau di pejabat dengan kapsyen menarik berkaitan amalan keselamatan elektrik kepada ST bagi mempromosikan amalan keselamatan elektrik yang dipraktis oleh pihak utiliti. Secara tidak langsung, amalan keselamatan yang dikongsikan ini dapat menjadi contoh dan memberi manfaat kepada orang awam dan pihak industri tenaga dalam meningkatkan keselamatan elektrik.

Hse DN
13 September 2021 at 08:11 · 🌐

Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission of Malaysia)
#ThinkSTThinkSafety
#thinksafetythinkst
#stsafetymoment

ELAK MENGGUNAKAN PERALATAN ELEKTRIK BERDEKATAN DENGAN SUMBER AIR

TNB Careline 13 September 2021 at 04:13 · 🌐

Bagi mengelakkan risiko terkena renjatan elektrik, jauhkan peralatan elektrik anda daripada sumber air demi keselamatan diri dan keluarga.
#StaySafe
#KitaJagaKita
#PenggunaBijak

SESB Careline
13 September 2021 at 03:19 · 🌐

SAFETY MOMENTS WITH UTILITIES
These are some Home Electrical Safety Tips that you can apply in your daily life.
For more safety tips you can follow @Suruhanjaya_Tenaga (Energy Commission of Malaysia)
#stsafetymoment #ThinkSafetyThinkST

HOME ELECTRICAL SAFETY

- Check that you're using the correct voltage in all your fixtures and appliances.
- Replace or repair damaged electrical cords to keep your home safe.
- Keep your cord and power strips dry and avoid to prevent damage.
- Be aware of frayed and loose wires to prevent potential accidents.
- Watch out for overloaded outlets to protect your home. Do not use extension cords or double the number of outlets. Only plug one item into each outlet unless the manufacturer specifies otherwise.
- Always read and avoid open, old and unsafe wiring in the attic or basement to avoid fire and shocks.
- Check that all your electrical work is done by a licensed electrician.

Use electrical devices and cords away from water to prevent shock.

Use your appliance proper cycle for an optimum to avoid overheat.

Ensure that all your outlets and fans are clean to prevent fire hazard.

Always follow appliance instructions for improved electrical safety.

Crating all your electrical appliances to reduce your risk.

#Stsaftymoment #ThinkSafetyThinkST

SESB

Gambar 14.10: Program Safety Moments with Utilities and Industry.

The 31st and 32nd Meeting of the Joint Sectoral Committee for Electrical and Electronic Equipment (JSC EEE)


Pada Mesyuarat JSC EEE ke-31 kali ini, Malaysia telah diwakili oleh ST selaku badan kawalselia kelengkapan elektrik dan SIRIM QAS International sebagai delegasi bagi Badan Penilaian Pematuhan Tempatan (Makmal Pengujian dan Badan Pensijilan) yang telah diadakan pada 30-31 Mac melalui *video conference*. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh ketua delegasi daripada Thailand manakala Timbalan Pengerusi oleh ketua delegasi daripada Vietnam.

Manakala, mesyuarat ke-32 JSC EEE telah diadakan pada 24-25 Ogos 2021 juga melalui *video conference*. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh ketua delegasi daripada Vietnam manakala Timbalan Pengerusi oleh ketua delegasi daripada Cambodia.

Mesyuarat yang diadakan dua (2) kali setahun ini diadakan bagi membincangkan isu-isu teknikal ke arah merialisasikan perjanjian ASEAN *Harmonised EEE Regulatory Regime* (AHEEERR) yang telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri negara ASEAN pada 9 Disember 2005.

Mesyuarat ke-32 tersebut merekodkan sebanyak 18 makmal pengujian dan 10 badan pensijilan yang telah disenaraikan di bawah ASEAN EE MRA.



 Gambar 14.11: Wakil Malaysia pada The 31st Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical and Electronic Equipment (JSC EEE).



Gambar 14.12: Wakil Malaysia pada The 32nd Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical and Electronic Equipment (JSC EEE).



Gambar 14.13: Peserta The 32nd Meeting of The Joint Sectoral Committee for Electrical and Electronic Equipment (JSC EEE).

Program Kecekapan Tenaga – Peningkatan MEPS

Pada 2021, selaras dengan sasaran Kerajaan dibawah Rancangan Malaysia ke-11, satu (1) lagi kategori kelengkapan elektrik iaitu Peti Sejuk Beku (*Freezer*) telah berjaya dibangunkan dibawah kelengkapan cekap tenaga, *Minimum Energy Performance Standard* (MEPS) yang menjadikan jumlah keseluruhan kepada sembilan (9) kategori iaitu:

- 1) Peti Sejuk;
- 2) Penghawa Dingin;
- 3) Kipas Domestik;
- 4) Lampu;
- 5) Televisyen;
- 6) Mesin Basuh;
- 7) Ketuhar Gelombang Mikro;
- 8) Periuk Nasi;
- 9) Peti Sejuk Beku (Baharu)

Justeru, satu (1) dokumen rujukan iaitu "*Guide on Minimum Energy Performance Standard (MEPS) for Freezer*" telah pun dikeluarkan pada 1 Mac 2021 dan akan berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Mac 2022, dimana pengimport dan pengilang diberi tempoh selama satu (1) tahun untuk bersedia dalam mematuhi perlaksanaan baharu oleh ST terhadap kelengkapan tersebut kelak.

Keberterusan inisiatif atau pencapaian ini adalah bagi memastikan kelengkapan elektrik yang berada di pasaran Malaysia adalah cekap tenaga dan selaras dengan hasrat ST dalam melindungi kepentingan pengguna disamping untuk mencapai misi Program Kecekapan Tenaga Negara iaitu *National Energy Efficiency Action Plan* (NEEAP) untuk mencapai sasaran penjimatan tenaga sebanyak 52,233 GWh pada 2025.



Gambar 14.14: Antara Kelengkapan yang dikawal dibawah MEPS.

PROGRAM SAVE 2.0 “Jimat Wang, Jimat Tenaga, Selamatkan Alam Sekitar”

Program *Sustainability Achieved Via Energy Efficiency* (SAVE) 2.0 merupakan sebuah program pemberian e-rebat sebanyak RM200 kepada mana-mana isi rumah yang membeli alat penyaman udara atau peti sejuk cekap tenaga yang berlabel cekap tenaga empat (4) atau lima (5) bintang oleh ST pada 2021 daripada mana-mana kedai fizikal atau pun secara atas talian.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) merupakan Kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan SAVE 2.0 dan SEDA Malaysia telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana dan ST sebagai rakan strategik dengan sokongan pemunya platform atas talian seperti Lazada dan Shopee.

Objektif utama program SAVE 2.0 adalah seperti berikut:

- Meningkatkan jumlah bilangan kelengkapan elektrik cekap tenaga bertaraf empat (4) dan lima (5) bintang dan peralatan cekap tenaga di pasaran; dan
- Meningkatkan kesedaran orang ramai agar membeli kelengkapan cekap tenaga yang akan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik pengguna terutamanya pengguna domestik.

Tempoh pelaksanaan projek telah ditetapkan selama satu (1) tahun bermula dari Januari sehingga Disember 2021.



Gambar 14.15: Iklan PROGRAM SAVE 2.0.

Bengkel Data Penjualan Kelengkapan Cekap Tenaga, *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)*

ST telah menganjurkan bengkel mengenai kelengkapan cekap tenaga, *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)*. Pada 2019, bengkel mengenai kelengkapan cekap tenaga, *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)* telah berlangsung bertempat di Ibu Pejabat ST Putrajaya. Bagi 2020, bengkel konsultasi bagi mengkaji impak *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)* dan Penambahbaikan MEPS bertempat di Hotel Impiana KLCC, KL. Walau bagaimanapun, bagi 2021, bengkel ini tidak dapat dijalankan atas sebab-sebab tertentu.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi memperoleh data dan maklumat mengenai enam (6) kelengkapan cekap tenaga iaitu *Refrigerator, Air-Conditioner, Television, Domestic Fan, Lighting dan Washing Machine* yang dikawalselia oleh ST yang memerlukan Perakuan Kelulusan (CoA) sebelum dipasarkan di negara ini. Maklumat ini adalah penting bagi pengemaskinian pencapaian *Key Performance Index (KPI)* Negara melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Berdasarkan kepada penerimaan data penjualan daripada pengimport dan pengilang, hasil *Annual Energy Consumption* setiap kelengkapan MEPS adalah seperti di dalam jadual di bawah.

Jadual 14.2: Annual Energy Consumption setiap kelengkapan MEPS

ANNUAL ENERGY CONSUMPTION (GWh)			
Appliances	2019	2020	2021
Air Conditioner	1,720	2,951	2,078
Fan	310	420	202
Refrigerator	54	120	128
Television	4,272,991	101	142
Lamp	461,923	489	552
Washing Machine	6,112	20	17
TOTAL	4,743,111	4,101	3,119

Pelaksanaan Kempen #ThinkSafetyThinkST

ST telah membangunkan dua (2) video kesedaran keselamatan elektrik bagi meningkatkan pengetahuan tentang keselamatan elektrik serta memupuk budaya keselamatan elektrik khususnya kepada pelajar sekolah di peringkat awal pembelajaran dan orang awam amnya agar dapat mengurangkan risiko berlakunya kemalangan / kebakaran.

Video pertama bertajuk "Mat Geiber" memaparkan lakonan sekumpulan remaja yang mengabaikan keselamatan elektrik dengan melakukan pengubahsuaian pada pendawaian elektrik sendiri, manakala video kedua bertajuk "Rindu" memaparkan lakonan orang dewasa yang alpa akan kepentingan menggunakan kelengkapan elektrik yang diluluskan ST.


Selain itu, ST juga telah membangunkan satu (1) video animasi yang menunjukkan cara menguji Peranti Arus Baki (PAB) di papan agihan rumah. Semua video ini boleh ditonton menerusi semua platform media sosial ST.



Gambar 14.16: Video Keselamatan Elektrik yang dibangunkan oleh ST.

Platform Perkongsian Maklumat Berkaitan Keselamatan Elektrik

Platform perkongsian maklumat berkaitan keselamatan elektrik, contohnya Tiktok merupakan trend pada masa kini memandangkan ia adalah salah satu (1) platform perkongsian maklumat berdurasi pendek yang menarik dan mudah sampai kepada orang ramai. Sehubungan itu, ST telah membangunkan beberapa video tiktok bertujuan mempromosi ST dan mengpergiat kempen keselamatan elektrik dan gas kepada orang ramai melalui medium sosial mengikut perkembangan teknologi semasa. Selain itu, amalan keselamatan elektrik dan gas diharapkan dapat diterapkan kepada semua generasi dengan kekerapan penampilan di medium sosial.



Gambar 14.17: Video Tiktok yang telah dikeluarkan pada 2021.

ST periksa pendawaian 36 rumah di Sipitang

SIPITANG: Suruhanjaya Tenaga (ST) melalui program Tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dikenali sebagai Touchpoint, membuat pemeriksaan dan penambahbaikan sistem pendawaian bagi 36 buah rumah di sini.

Antara penambahbaikan yang dibuat termasuklah penggantian Peranti Arus Baki (DAB) pada Papan Agih (Distribution Board), pembaikan sistem pendawaian yang rosak serta penggantian kelengkapan elektrik kepada kelengkapan yang mempunyai kelulusan ST.

Kerja-kerja pembaikan tersebut mula dijalankan pada 17 Disember 2020.

Pengarah Kawasan ST Pantai Barat Sabah, Jeffrey Nuri berkata orang ramai perlu sentiasa peka dengan aspek keselamatan elektrik di kediaman masing-masing, dan pendawaian elektrik perlu dilaksanakan berpandukan kepada piawaian teknikal yang telah ditetapkan oleh ST.

"Sebagai langkah untuk mengutamakan keselamatan elektrik, ST mensasarkan orang ramai untuk melantik orang



JEFFREY (keempat dari kiri) menyampaikan kelengkapan elektrik kepada seorang penduduk.

kompeten yang berdaftar dengan ST bagi menjalankan kerja-kerja pendawaian tersebut.

"Pengajian DAB sekurang-kurangnya sekali setahun adalah penting bagi mengelak kes kemalangan elektrik yang boleh meragut nyawa," katanya pada Majlis Pemutus Program Touchpoint 2020 bersama dengan pihak Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) serta Balai Bomba dan Penyelamat Sipitang, di sini pada Khamis.

Taklimat ringkas mengenai keselesaan elektrik untuk penduduk setempat turut diadakan dalam meningkatkan kesedaran orang ramai tentang keselamatan elektrik.

Hadir sama, Penerima Pembinaan Masyarakat Sidiudin, Sani Masin.

Program touchpoint merupakan sebahagian daripada usaha ST untuk membantu golongan tidak berkemampuan memastikan pendawaian elektrik di premis yang mereka duduki berada dalam keadaan selamat.

Di tiang elektrik ialah mangsa mengalami renjatan ketika sedang melakukan kerja-kerja penyelenggaraan di Kampung Sungai Damar, Lipis semalam.



Pekerja TNB maut kena renjatan elektrik

LIPIS - Seorang pekerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) maut selepas terkena renjatan elektrik ketika sedang melakukan kerja penyelenggaraan di sebuah tiang elektrik di Kampung Sungai Damar, Padang Tengku di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Lipis, Superintendan Azli Mohd. Nor berkata, kejadian kira-kira pukul 9:30 pagi itu berlaku ketika mangsa, Mohd. Yahir Gull Latif, 32, bersama sepasukan pekerja TNB yang lain menjalankan kerja-kerja mengahai laluan talian yang rosak.

"Ketika kejadian, mangsa berada di tiang tersebut selepas

memanjat menggunakan tangga, manakala ketua pasukan sedang membersihkan halangan pada talian tersebut.

"Selepas itu, mangsa tiba-tiba dilihat tergantung di tiang sebelum diturunkan. Laporan bedah akit kemudian mendapati punca kematian adalah disebabkan renjatan elektrik," katanya di sini semalam.

Sementara itu, seluruh warga kerja dan pengurusan TNB mengucapkan takziah atas pemergian Allahyarham.

"Allahyarham meninggalkan seorang ibu yang sedang sarat mengandung enam bulan," kata kenyataan TNB semalam.

Look out for Sirim label to be safe

THIRTY-FOUR categories of household electrical products are regulated by the Energy Commission and must bear the Sirim (Standard and Industrial Research Institute of Malaysia) label before they can be sold.

However, a recent survey conducted by Consumers' Association of Penang (CAP) on several outlets in the northern region has revealed that the regulations have not been enforced adequately.

The survey found that many domestic electrical appliances and accessories were sold without valid Sirim certification. There were products that did not conform to any safety standards, including Sirim (electrical accessories, extension power sockets, electric irons, immersion water heaters and decorative lights); those that had certification from foreign national safety standards but not from Sirim (mainly audio-video and kitchen appliances); and products that were assembled with one or two Sirim-approved components such as electrical cable and plugs, but as a whole had no Sirim approval (mainly extension power sockets, irons, hair dryers and toasters).

CAP urges the Energy Commission to ensure that manufacturers and importers use genuine Sirim labels and follow the correct procedures when attaching them on products. The Customs Department should ensure that imported goods are declared under the correct categories.

Sistem pendawaian premis perlu ikut akta

Oleh Kennedy Cortius

KOTA KINABALU: Sistem pendawaian bagi setiap premis perlu dipasangkan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan Peraturan-Peraturan Elektrik, serta mematuhi keperluan teknikal standard yang ditetapkan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga Pantai Barat Sabah (STPBS) Jeffrey Nuri berkata, hal demikian penting kerana risiko untuk kemalangan yang mampu meragut nyawa sangat tinggi sekiranya pemasangan yang dilakukan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. "Kita hendak mengelakkan berlakunya sebarang kemalangan dan kecederaan yang mampu meragut nyawa dan kerana itu sebarang pemasangan yang berkaitan dengan tenaga dan pendawaian, perlu mengikut spesifikasi dan undang-undang."



SAMPAIKAN: Jeffrey menyampaikan cenderahati kepada Setiausaha Perhubungan Awam kepada Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Romeo Ansoo sempena majlis itu.

katanya semasa hadir dalam Program Touchpoint ST di sini baru-baru ini.

Jelasnya, ST sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahayanya pemasangan sistem pendawaian secara haram.

"Selain itu, kita juga giat dalam usaha kita untuk memperbaharui program berbentuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), sepertimana yang kita lakukan hari ini di sini

yang melibatkan dua dewan masyarakat dan sebuah masjid.

"Melalui program ini, kita menjalankan kerja-kerja penambahbaikan bagi sistem pendawaian sedia ada yang usang dan kita turut menjalankan kerja pemasangan sistem pendawaian baharu bagi premis yang belum mempunyai bekalan elektrik.

"Kita menjalankan kerja-kerja pemasangan sistem pendawaian dengan kakitan-

gan dan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan ST," katanya.

Beliau berkata, kerja-kerja penambahbaikan itu mula dilakukan sejak November lepas.

"Kita mula melakukan kerja penambahbaikan dengan Peranti Arus Baki (PAB) pada papan agihan (distribution board) yang kita dapati tidak mematuhi standard piawaian ST dan kita menggantikan dengan yang sewajarnya.

Pengadu rayu tindakan segera SESB

KOTA KINABALU: Pengadu elektrik di kampung Tabur Mangat meminta jasa baik Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) untuk datang meninjau wayar 'tay' yang tidak dipasangkan ketika datang menyelenggara pada bulan lalu.

Penduduk Kampung Simah Batin SB, berkata bulan lalu pihak SESB datang untuk menyelenggara sebatang tiang elektrik yang hampir tumbang akibat banjir.

"Saya berrisiko kasih kepada SESB kerana akhirnya selepas 10 tahun menanti dengan pelbagai aduan dibuat, mereka datang mengemankan tiang berkenaan.

"Bagaimanapun, terdapat sebatang tiang lagi yang diselenggara, tetapi sambungan wayar stay atau penahan tidak dibuat.

"Baru-baru ini angin bertiuip kencang sehinggalah tiang berkenaan bergoyang, akhirnya wayar sambungan ke rumah saya rosak dan hampir tercabut disebabkan wayar ke rumah saya digunakan sebagai penahan tiang



TINGGI: Tiang elektrik tanpa 'tay' menyebabkan sambungan wayar ke rumah pengadu diikat sangat tegang sehingga menyebabkan kerosakan pada sambungan.

elektrik berkenaan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Dia juga sudah membuat panggilan ke talian hotline SESB 15454, namun setiap kali panggilan dilakukan operator menjalankan semua kakitangan sedang sibuk.

"Saya juga sudah menghantar Whatsapp SESB Care-

line (019 852 5427), namun tiada sebarang tindakan usulan dilakukan.

"Saya warga emas, memintajasa baik dan perihmbaan SESB agar datang sekali lagi untuk menyelenggara. Ini kerana perkara yang sama pernah terjadi apabila tiang elektrik yang hampir tumbang telah merosakkan sambungan wayar ke rumah.

"Saya tidak ingin merosakkan kebimbangan apa yang saya alami sepanjang 10 tahun lalu, kerana keadaan itu membahayakan nyawa sekiranya perkara tidak diingini terjadi.

"Alamat kawasan ini adalah di G15 Kampung Tabur Mangat," katanya.

SESB beri amaran: Jangan buat sambungan haram

KOTA KINABALU: Kejadian letupan dan percikan api ke atas talian pemasangan milik Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) yang tular melalui media sosial baru-baru ini adalah berpanca daripada sikap tidak bertanggungjawab segelintir penduduk setempat Kampung Numbak di Sepang-ijar.

Gara-gara tindakan pihak tidak bertanggungjawab melakukan penyambungan bekalan elektrik tanpa kebenaran, sektor eye penulodok di kampung itu dan kawasan sekitar terpaksa bergelap sepanjang malam, Jumaat lepas.

Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) Ye. Idris Mohd Noor berkata pusat pengurusan panggilan SESB, Caroline menerima aduan mengenai letupan dan percikan api pada jam 7:25 malam, Jumaat.

Pasukan teknikal SESB tiba di kampung tersebut pada jam 8 malam untuk mematuhi prosedur bekalan elektrik di atas faktor keselamatan bagi mengemulipulsi punca bertakungnya letupan.

"Hasil siasatan mendapati punca letupan adalah disebabkan perhubungan tidak bertanggungjawab penduduk yang melakukan penyambungan haram bagi tujuan memuat arus elektrik daripada kabel talian atas voltan rendah," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menegaskan bahawa perbuatan sewajarnya itu boleh mengurangkan kemudaratan dan bahaya kerana boleh memcutkan bekalan.

"Saya menyetujui agar orang awam khususnya mereka yang tinggal di perkampungan setempat agar tidak melakukan perbuatan menyambungkan bekalan elektrik secara haram," katanya.

Melvin menambahkan, kejadian tersebut bukannya sahaja boleh mengakibatkan kemusnahan harta benda tetapi juga mengundang kesulitan kepada penduduk lain.

"Perbuatan itu juga boleh menyebabkan kecederaan atau kemalangan jiwa akibat kejatuhan elektrik," katanya.

Dalam pada itu, kerja-kerja pemuliharaan

Lelaki cedera terkena renjatan elektrik

Cuba membantu padam kebakaran sebuah rumah di Kampung Suang Pungur

Oleh Hannah Ibrahim

KOTA BELUD: Seorang lelaki dilarikan ke hospital akibat terkena renjatan elektrik dalam kebakaran di Kampung Suang Pungur, di sini kelmarin.

Menurut kenyataan Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 10.28 malam.

"Sepuluh 11 anggota dan pegawai beransur dua buah jentera daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Belud dipanggil ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba, pasukan bomba mendapati terdapat



RUMAH: Bomba berusaha memadam api dalam kebakaran tersebut supaya tidak merobek ke kawasan lain.

sebuah rumah jenis tidak kekal dan motornyal telah terbakar keseluruhannya,"

katanya.

Katanya, pasukan bomba segera melakukan operasi

menyulam dan memadam dengan menggunakan dua pucutan air dari sumber

tanjari jentera.

"Terdapat seorang lelaki berusia 20 tahun terceda dibesarkan ke hospital menggunakan kondenser EMKS selepas terkena renjatan elektrik semasa membantu memadam kebakaran.

"Bagaimanapun, mangsa dalam keadaan stabil dan kini telah menerima rawatan lanjut di Hospital Kota Belud," katanya.

Menurutnya, pasukan bomba berupaya mengawal kebakaran pada jam 11.19 malam sebelum operasi ditamatkan kira-kira setengah jam kemudiannya.

"Semua akan dilancarkan oleh pasukan bomba untuk mengertahui punca dan jumlah kerugian yang dialami mangsa," katanya.

ST serbu empat gudang, rampas barang elektrik tidak diluluskan bernilai RM2 juta

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Tenaga (ST) merampas pelbagai peralatan elektrik bernilai kira-kira RM2 juta dalam serbuan di empat gudang di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor pada Selasa lepas (2 November) kerana disyaki mengedar peralatan elektrik yang tidak mendapat kelulusan.

Pengarah Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST Mohd Elmi Anas berkata, serbuan dibuat susulan aduan mengenai penjualan keleng-

kapan elektrik yang menggunakan label SIRIM palsu di pasaran serta dalam talian.

Beliau berkata, kelengkapan elektrik seperti kabel pendawaian pelbagai saiz, lampu LED, soket alir keluar dan adapter elektrik itu dirampas kerana gagal mematuhi keperluan undang-undang seperti tidak mempunyai Perakuan Kelulusan mengimport atau mengilang dari ST sebelum ia dibawa masuk atau dikilang.

"Peralatan elektrik yang

dirampas itu juga tidak dilengkapi dengan label SIRIM-ST serta menggunakan label SIRIM-ST palsu," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Beliau berkata, tindakan undang-undang akan diambil ke atas pengimport, pengilang atau penjual yang didapati gagal mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Bagi kes pemalsuan label, tindakan undang-undang

akan diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730), katanya.

"Pihak pengimport, pengilang dan penjual kelengkapan elektrik pula perlu mematuhi perundangan negara ini dan memastikan hanya kelengkapan elektrik yang telah diperakui selamat, dijual di premis jualan ataupun dalam talian," katanya.

— Bernama

Perlu lebih peka aspek keselamatan elektrik di rumah: ST

MATUNGGOING: Kebanyakan kes kemalangan dan kebakaran yang berlaku berpunca daripada kealasan pengguna yang tidak mengambil berat soal pendawaian elektrik yang selamat dan alat perlindungan yang sempurna, kata Pengarah Kawasan Suruhanjaya Tenaga (ST) Faatiz Burat Sabah, Jeffrey Nuri.

Dengan itu, beliau menggesa orang ramai supaya lebih peka dengan aspek keselamatan elektrik di kediaman masing-masing.

"Pendawaian elektrik perlu dilakukan berpandukan kepada piawaran teknikal yang telah ditetapkan oleh ST," katanya semasa majlis penutupan Program Touchpoint 2020 di sini.

Katanya, untuk mengelakkan kemalangan elektrik, Peranti Arus Baki (PAB) harus sentiasa diuji sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi memastikan ia berfungsi memutarakan litar sekiranya terjadi kebocoran arus.

"Komponen Peranti Arus Baki (PAB) penting dalam sistem pendawaian elektrik kerana ia mampu melindungi pengguna daripada renjatan elektrik sekiranya berlaku kebocoran arus atau litar pintas."

Dalam program itu, kira-kira 30 rumah di sekitar Matunggoing menjalani pemeriksaan dan pembaikan sistem pendawaian elektriknya.

Sebelum ini, ST turut melaksanakan pemeriksaan dan pembaikan sistem pendawaian elektrik bagi 50 rumah di

sekitar Ranau dan Sipitang.

"ST mengambil inisiatif untuk menyajikan program-program kesedaran dan kemasyarakatan bagi meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai kepentingan PAB.

"Ini kerana PAB membolehkan pengujian secara berkala bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik dan dapat melindungi nyawa," katanya.

Program Touchpoint merupakan sebahagian daripada usaha ST untuk meningkatkan keselamatan orang awam tentang keselamatan elektrik, di samping membantu golongan yang tidak berkemampuan memastikan pendawaian elektrik di premis yang mereka duduki berada dalam keadaan selamat.

Kerja-kerja pembaikan juga dipantau pada 36 Disember tahun lepas, di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) ST.

Liputan Media Mengenai Keselamatan Elektrik di Media Tempatan



Gambar 14.18: Temubual bersama Selamat Pagi Malaysia semperna ulang tahun ST ke-20.



Gambar 14.19: Temubual bersama Selamat Pagi Malaysia bagi mempromosi "Product Safety Award".

Taklimat, Mesyuarat dan Aktiviti Bersama Agensi Luar Berkaitan Keselamatan Elektrik



Gambar 14.20: Lawatan ke makmal TNBR bersama Jabatan Bomba.



Gambar 14.21: Lawatan ke SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



 Gambar 14.22: Bengkel Menanda Buku Jawapan Peperiksaan Teori Penjaga Jentera di Akar Beach Resort.



 Gambar 14.23: Pemeriksaan Pemasangan DIN Type dan Pilot Project Pemasangan Black Box di pemasangan SESB.

Aktiviti Penguatkuasaan



 Gambar 14.24: Operasi Pelupusan kelengkapan elektrik di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.



 Gambar 14.25: Operasi Pelupusan kelengkapan elektrik di Petaling Jaya, Selangor.

15

GLOSARI



ABM	Akademi Binaan Malaysia	ILAC	<i>International Laboratory Accreditation Cooperation</i>
ACEM	<i>The Association of Consulting Engineers Malaysia</i>	ILAC MRA	<i>The ILAC Mutual Recognition Arrangement</i>
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi	ILP	Institut Latihan Perindustrian
AKYBK	Akademi Kemahiran Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor	ILSAS	Integrated Learning Solution Sdn. Bhd.
AMR	Amalan Merentang Kabel	ILTP	Institut Latihan Teknik Dan Perdagangan
AOTS	<i>The Association of Overseas Technical Cooperation and Sustainable Partnerships</i>	INSTEP	Institut Teknologi Petroleum Petronas
APLAC	<i>Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation</i>	INPENS	INPENS International College
A0	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Talian Aerial dan Stesen Janakuasa)	ITYNS	Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan
A1	Sistem Voltan Rendah (Tanpa Stesen Janakuasa)	JEK	Jurutera Elektrik Kompeten
A4	Sistem Voltan Rendah	JKR	Jabatan Kerja Raya
B0	Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah (Tanpa Talian Aerial dan Stesen Janakuasa Voltan Melebihi Voltan Rendah)	JKVRP	Janakuasa Voltan Rendah Penyegerakkan
B1	Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah (Tanpa Stesen Janakuasa Voltan Melebihi Voltan Rendah)	JKVTP	Janakuasa Voltan Tinggi Penyegerakkan
B4	Sistem Voltan Melebihi Voltan Rendah	JPE	Jurutera Perkhidmatan Elektrik
CIDB	<i>Construction Industry Development Board</i>	KAYM	Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka
CoA	<i>Certificate of Approval</i>	KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
CoR	<i>Certificate of Registration</i>	KISMEC	Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah Darul Aman
ECOS	<i>Energy Commission Online System</i>	KK	Kolej Komuniti
EEMRA	<i>Electrical and Electronic Mutual Recognition Agreement</i>	KKBNP	Kolej Kemahiran Belia Negara Pontian
FT	<i>Full Time</i>	KKJ	Kolej Komuniti Jelebu
IEM	<i>The Institution of Engineers Malaysia</i>	KKK	Kolej Komuniti Kuantan
IKB	Institut Kemahiran Baitulmal	KKTM	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara	KKYPJ	Kolej Komuniti Yayasan Pelajaran Johor
IKM	Institut Kemahiran MARA	KMVR	Kawalan Motor Voltan Rendah
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara	KP	Kendalian Pencawang
		KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
		KYM	Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka
		KYS	Kolej Yayasan Sabah

MEADA	<i>Malaysian Electrical Appliances Distributions Association</i>	TAVT	Talian Atas Voltan Tinggi
NITE	<i>National Institute of Technology and Evaluation</i>	TAVR	Talian Atas Voltan Rendah
PAB	Peranti Arus Baki	TEEAM	<i>The Electrical and Electronics Association of Malaysia</i>
Pahang Skills	Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang	TESDEC	Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu
PE	Penyelia Elektrik	TNB	Tenaga Nasional Berhad
PERDA-TECH	Institut Kemahiran Tinggi Perda	UNIKL-BMI	Universiti Kuala Lumpur – <i>British Malaysia Institute</i>
PGM	GIATMARA Malaysia	WIT	Kolej WIT Sdn. Bhd.
PJ	Penjaga Jentera	XLPE	<i>Cross-linked Polyethylene</i>
PJ THD	Penjaga Jentera Terhad		
PK	Pencantum Kabel		
PK1	Pencantum Kabel Tahap 1 (1kV)		
PK2	Pencantum Kabel Tahap 2 (11kV)		
PK3	Pencantum Kabel Tahap 3 (22kV), Pencantum Kabel Tahap 4 (33kV)		
PK THD	Pencantum Kabel Terhad		
PSDC	<i>Pahang Skills Development Centre</i>		
PSDC	<i>Penang Skills Development Centre</i>		
PSU	Papan Suis Utama		
PT	Part Time		
PUSPATRI	Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor		
PW	Pendawai		
PW2	Pendawai Fasa Tunggal Dengan Endorsan		
PW4	Pendawai Fasa Tiga (3) Dengan Endorsan		
QR Code	<i>Quick Response Code</i>		
SESB	Sabah Electricity Sdn. Bhd.		
SIRIM	<i>Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia</i>		
ST	Suruhanjaya Tenaga		

16

MAKLUMAT PERHUBUNGAN SURUHANJAYA TENAGA



IBU PEJABAT

Suruhanjaya Tenaga (*Energy Commission*)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya, Malaysia

T: (603) 8870 8500

F: (603) 8888 8637

www.st.gov.my

PEJABAT KAWASAN	ALAMAT	NO. PERHUBUNGAN
Pulau Pinang, Kedah & Perlis	Tingkat 10, Bangunan KWSP, 13700 Seberang Jaya, Butterworth, PULAU PINANG	Tel : 04 - 398 8255 Faks : 04 - 390 0255
Perak	Tingkat 1, Bangunan KWSP, Jalan Greentown, 30450 Ipoh, PERAK	Tel : 05 - 253 5413 Faks : 05 - 255 3525
Kelantan & Terengganu	Tingkat 6, Bangunan KWSP, Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, KELANTAN	Tel : 09 - 748 7390 Faks : 09 - 744 5498
Pahang	Tingkat 7, Menara Zenith, Jalan Putra Square 6, 25000 Kuantan, PAHANG	Tel : 09 - 514 2803 Faks : 09 - 514 2804
Negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan Putrajaya	Tingkat 10, Menara PKNS, No. 17, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, SELANGOR	Tel : 03 - 7955 8930 Faks : 03 - 7955 8939
Johor	Suite 18A, Aras 18, Menara ANSAR, 65 Jalan Trus 80000 Johor Bharu, JOHOR	Tel : 07 - 224 8861 Faks : 07 - 224 9410
Negeri Sembilan & Melaka	Tingkat 4, Wisma Perkeso, Jalan Persekutuan, MITC, 75450 Ayer Keroh, MELAKA	Tel : 06 - 231 9594 Faks : 06 - 231 9620
Labuan	Beroperasi dari Pejabat Kawasan berikut mulai 1 Januari 2024 sehingga dimaklumkan kelak: Tingkat 3, Wisma PERKESO Jalan Persekutuan, MITC 75450 Ayer Keroh MELAKA	Tel : 06 - 231 9594 Faks : 06 - 231 9620



SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)

No. 12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

+603 8870 8500

+603 8888 8637

www.st.gov.my

